



## Pembelajaran Melalui Permainan dalam Persekutaran Awal Kanak-kanak

MALAY

### Apa maksud bermain?

Kajian di seluruh dunia telah menunjukkan bahawa kanak-kanak belajar dan berkembang sambil terlibat dalam pengalaman berdasarkan permainan yang bermakna.

*"Bermain adalah penting untuk merangsang dan menyepadan pelbagai keupayaan intelektual, fizikal, sosial dan kreatif kanak-kanak. Amalan awal kanak-kanak yang berkesan menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bersepada untuk menyokong interaksi berkekalan yang dikongsi dengan kanak-kanak. Melalui permainan dan peluang-peluang lain, kanak-kanak belajar memahami dan membentuk idea tentang dunia sosial dan alam semula jadi, manusia, tempat, objek dan pengalaman yang mereka tempuhi setiap hari."*

- VEYLDF, 2016, pg. 14

Bermain ialah sesuatu yang berlaku secara semula jadi pada anak anda dan merupakan bahagian penting pembelajaran dan perkembangan mereka. Bermain membantu anak anda memahami dunia mereka dan berterusan membentuk identiti diri mereka yang kukuh. Dengan bermain, anak anda boleh membayangkan, berpura-pura, mencipta, meneroka, menyiasat, berkomunikasi, bertanya, bercakap, mendengar, berfikir, merasa, menyentuh dan menghidu. Bermain melibatkan rundingan, menyelesaikan masalah, mengambil risiko, mencuba perkara baharu, dan melihat cara sesuatu perkara itu berfungsi. Anak anda akan belajar tentang diri mereka dan orang lain, belajar peraturan permainan, berkawan, membentuk perhubungan dan mempercayai orang sekeliling mereka termasuk pendidik mereka dan kanak-kanak lain.

Kanak-kanak kadangkala bermain bersendirian, bermain dengan satu atau dua orang kanak-kanak lain dan belajar dalam kumpulan kecil atau besar. Bermain boleh jadi bising atau senyap, pasif atau aktif.

*"Tempoh bermain yang tidak diganggu memberikan masa kepada kanak-kanak untuk mencipta, menyiasat dan meneroka, menggunakan bahan-bahan serta sumber yang pelbagai dan terbuka."*

- VEYLDF, 2016, pg. 21

### Pembelajaran melalui permainan

Guru-guru dan pendidik merancang satu program untuk memenuhi minat individu dan keperluan setiap kanak-kanak yang menghadiri perkhidmatan ini. Program ini dilakukan dengan menyediakan pelbagai pengalaman berdasarkan permainan dalam persekitaran pembelajaran terbuka, yang kanak-kanak boleh bergerak bebas di dalam dan di luar bangunan.

Beberapa aktiviti formal yang terarah seperti muzik, bercerita dan perbincangan turut dijalankan. Bagi kebanyakan masa, kanak-kanak akan membuat keputusan sendiri tentang tempat mereka akan bermain, dengan siapa mereka akan bermain, dan tempoh masa yang mereka akan luangkan dalam sesuatu aktiviti bermain. Pendidik akan memberikan sokongan dan panduan apabila kanak-kanak memerlukan bantuan.

Pendidik akan menggunakan strategi pengajaran berbeza untuk menyokong kanak-kanak supaya menyukai pembelajaran, bersikap ingin tahu, rajin bertanya dan berminat dengan dunia dan orang yang mereka temui. Mereka mungkin memandu permainan, mengetuai permainan, atau memerhatikan kanak-kanak dalam permainan yang diarahkan sendiri.

## Apakah yang dipelajari oleh kanak-kanak semasa bermain?

Bermain memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk berbual dan bertanyakan soalan, mengembangkan dan mempraktikkan perbendaharaan kata dan bahasa, mengenal huruf, nombor serta kemahiran sosial. Melalui permainan, kanak-kanak belajar cara berkomunikasi dan berhubung dengan orang lain.

Kanak-kanak juga menggunakan imaginasi mereka untuk melakonkan semula apa yang pernah mereka perhatikan, contohnya;

- Berpura-pura menyediakan makanan
- Menjaga bayi
- Menjadi ahli bomba, doktor atau penjual.

Aktiviti-aktiviti ini membantu kanak-kanak belajar memahami dan sedar akan dunia mereka dan komuniti mereka.

*“Permainan dramatik adalah penting bagi meneroka identiti dan sudut pandangan yang berbeza, termasuk rasa kekitaan dalam komuniti global. Kanak-kanak mesti diberi sokongan untuk menghargai kesamaan dan perbezaan antara individu dan kumpulan, dan untuk menghormati perspektif yang berbeza.”*

- VEYLDF, 2016, pg. 18

Tatkala anak anda sibuk bermain, mereka akan berunding tentang peraturan untuk membantu mereka mempelajari tingkah laku yang boleh diterima oleh orang lain. Contohnya, kanak-kanak mungkin membuat peraturan menunggu giliran untuk bermain buaian. Mbenarkan kanak-kanak terlibat dalam membuat peraturan yang membantu semua orang kekal selamat, menjaga peralatan dan menyokong sikap berlaku adil dan persamaan, akan membantu meningkatkan kemahiran mereka untuk berfikir dan menyelesaikan masalah, di samping menyokong perkembangan komunikasi dan kemahiran sosial serta kemahiran mereka mengenal nombor dan huruf.

Semasa bermain, kanak-kanak boleh meningkatkan pengetahuan dan idea mereka dalam cara yang baharu dan menarik.

Kanak-kanak mungkin mengulangi sesetengah aktiviti berkali-kali, mengambil risiko dan belajar serta berlatih kemahiran, seperti;

- mananjat ke tempat tinggi tanpa bantuan orang lain
- menguasai permainan susun suai gambar
- memakai pakaian atau baju lindung mereka sendiri
- mengimbangkan diri di atas galang nipis
- menggunakan gunting sendiri
- melompat
- menolak diri sendiri di atas buaian.

Pencapaian ini, tidak kira besar atau kecil, ialah ganjaran bagi kanak-kanak, keluarga mereka dan bagi pendidik yang menyokong pembelajaran mereka.

Bermain memberi kanak-kanak peluang untuk; meraikan, mencapai, berjaya, membuat kesilapan, berlatih, menguji maklumat atau kemahiran baharu, membentuk pendapat dan menguasai kemahiran dan pengetahuan baharu.

Bermain merupakan cara anak anda belajar.

### Rujukan

Department of Education and Training, 2016. *Victorian Early Years Learning and Development Framework*.